

Estet Ikan jadi lokasi tumpuan pesta mengoca

UM 12/8/24 PG 36

TAMPIN: Kolam terbiar dalam kawasan tanah adat di Kampung Sungai Jerneh, Gemencheh di sini menjadi tumpuan ramai apabila menjadi lokasi acara mengoca atau menangkap ikan menggunakan tangan sejak dua tahun lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gemencheh, Suhaimizan Bizar berkata, kolam terbiar itu dibangunkan semula dengan ternakan ikan air tawar selain menjadi lokasi riadah.

"Melihat kepada sambutan positif orang ramai, pesta mengoca diadakan bermula 2022 dan penganjuran tahun ini diserikan dengan acara melepasan 15 ekor itik ke dalam kolam yang dikeringkan.

"Program ini adalah untuk

membudayakan aktiviti mengoca bagi masyarakat kampung di samping mengeratkan silaturahim antara peserta. Sasaran kita pada masa hadapan agar ia dijalankan lebih meriah dengan pelbagai aktiviti sampingan," katanya di sini, baru-baru ini.

Program Pesta Mengoca myKP Sungai Jerneh itu dirasmikan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup.

Sementara itu, seorang peserta, Zulkarnain Md. Zin, 38, dari Jemapoh, Kuala Pilah, berkata, dia tidak pernah mengikuti mana-mana aktiviti mengoca dan mengakui teruja untuk menyertai program tersebut buat kali pertama.

Menurutnya, walaupun tidak

menawarkan sebarang hadiah, dia seronok kerana dapat berkumpul dengan ramai peserta dari pelbagai latar belakang, sekali gus menghidupkan semula aktiviti masyarakat seperti mengoca.

"Memang seronok kerana ikan yang ditangkap seperti tilapia ini boleh dibawa pulang, saya harap program seumpama ini dapat diteruskan pada setiap tahun," katanya.

Sementara itu, Arthur berkata, Estet Ikan yang dikendalikan oleh myKP Sungai Jerneh adalah satu daripada inisiatif Jabatan Perikanan bagi meningkatkan kadar pengeluaran ikan air tawar, terutama di kawasan tanah terbiar yang berpotensi untuk dimajukan.



KIRA-KIRA 300 orang menyertai Program Pesta Mengoca myKP Sungai Jerneh di Kampung Sungai Jerneh, Gemencheh, Tampin, Negeri Sembilan. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH